



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM WANITA GIG AND BUSINESS IN TECHNOLOGY (GIG@BIT)

LOKASI / TARIKH / MASA

**M RESORT & HOTEL KUALA LUMPUR
12 JUN 2025 (KHAMIS)
10.00 PAGI**

Kemas kini 11 Jun 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam semangat memperkasa wanita pagi ini untuk menjayakan *Program Wanita Gig And Business In Technology* — atau ringkasnya, *Wanita Gig@Bit*.

2. Terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atas penganjuran program yang bermakna ini — satu lagi langkah proaktif untuk mengangkat wanita ke barisan hadapan dalam ekonomi gig dan teknologi digital.

3. Saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan strategik yang sudi bersama kita hari ini — **Maxis Berhad, Canon Marketing Malaysia, Mereka Academy dan Pertubuhan Persekutuan Wanita Antarabangsa dan Industri Perdagangan Malaysia** atau IWFCIM, serta para pengengaruh atau *influencers* yang sudi berkongsi kisah dan memberi inspirasi kepada peserta hari ini.

4. Sepanjang tahun ini, pelbagai program sampingan akan dilaksanakan seperti *eKelas Usahawan @JPW*, Bengkel Fotografi dan Video Digital serta Program Kesedaran Asas Generatif Ai Dan Keselamatan Siber. Saya galakkan hadirin semua untuk rebut peluang ini dan ikuti perkembangan terkini di media sosial JPW.

SASARAN MENINGKATKAN KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH WANITA

5. **Statistik Survei Tenaga Buruh 2023** menunjukkan **23.5% wanita tidak bekerja kerana komitmen penjagaan keluarga**, manakala **65% sukar kembali bekerja** disebabkan jurang kemahiran selepas cuti panjang — memberi kesan kepada kehilangan KDNK negara sebanyak RM20 bilion setahun.

6. **Ini bukan sekadar angka — tetapi kehilangan potensi dan sumbangan besar kepada negara.** Bank Negara Malaysia turut menyatakan bahawa penyertaan aktif wanita dalam tenaga buruh meningkatkan **KDNK, produktiviti dan pendapatan isi rumah.**
7. Atas kesedaran ini, kerajaan melalui KPWKMM melancarkan **Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan 2025–2030** sebagai hala tuju memperkasa wanita dari aspek **ekonomi, kepimpinan dan perlindungan sosial.**

8. Namun realitinya, **penyertaan tenaga buruh wanita masih hanya 56.3%**, berbanding 83.2% bagi lelaki. Ini jurang yang perlu ditangani bersama — bukan sekadar dasar, tetapi tindakan.

9. Melalui program seperti **Wanita Gigabit**, **KIRANA**, **Iron Women**, dan **Wanita Bangkit Bersasar**, memberi fokus kepada **penyediaan akses latihan dan pembangunan kapasitas (atau *upskilling dan reskilling*)** kepada wanita untuk kembali berdiri kukuh dalam dunia kerja — khususnya dalam sektor digital dan keusahawanan.

LANDSKAP EKONOMI DIGITAL DI MALAYSIA

Hadirin yang saya kasihi,

10. Data terkini menunjukkan **89.4% rakyat Malaysia menggunakan internet** — bukan hanya untuk media sosial, tetapi juga untuk pembelian dalam talian dan transaksi e-wallet. Dalam dunia hari ini, internet bukan sekadar hiburan — **ia adalah alat pemberdayaan**, khususnya bagi wanita yang ingin menjana pendapatan dari rumah.

11. Dengan kemudahan seperti e-dagang, aplikasi mudah alih dan platform media sosial, **wanita dari semua latar belakang boleh menjana pendapatan, membina jenama dan berkongsi kepakaran — dari rumah sendiri.**
12. Kalau tak tahu nak mula dari mana, mulalah dengan apa yang ada di rumah. **Percaya atau tidak, daun ketapang pun laku dijual di Shopee sekarang.** Jangan pandang rendah pada apa yang ada di sekeliling kita — semua boleh jadi rezeki kalau kita berani cuba.

13. Hari ini, kita berpeluang mendengar sendiri daripada **Chef Dave**, yang mempunyai lebih 1.2 juta pengikut di TikTok dengan video resipi vegetariannya, dan **Dr. Ezani Monoto**, pemenang MasterChef Malaysia yang kini mengusahakan **Pastribella Bakeshop dengan dua cawangan**. Mereka membuktikan bahawa gabungan **kemahiran, kreativiti dan teknologi** mampu mengubah minat menjadi kerjaya, dan kerjaya menjadi inspirasi.

PROGRAM WANITA GIG@BIT

Puan-puan dan tuan-tuan,

14. *Wanita Gig@Bit* ialah inisiatif JPW yang memberi **peluang ekonomi digital kepada wanita**, sambil membina **daya tahan digital** untuk menghadapi cabaran dunia moden.
15. Program ini menyasarkan akses lebih besar kepada sektor seperti **STEM, AI, teknologi hijau dan TVET** — serta membekalkan **ilmu dan kesedaran keselamatan siber** yang amat penting hari ini.

16. Kita tahu sindiket penipuan kewangan sering menyasarkan wanita — melalui mesej palsu, pelaburan tipu, dan penyamaran. **Wanita yang celik digital bukan sahaja lebih berdaya saing, tetapi juga lebih selamat, bijak dan yakin dalam membuat keputusan digital.**

PENUTUP

17. Akhir kata, usaha memperkuat wanita dalam ekonomi digital bukan hanya tanggungjawab KPWKM — tetapi memerlukan komitmen menyeluruh **daripada kerajaan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat dan rakyat sendiri.**

18. Saya berharap program ini menjadi pemangkin kepada penyertaan lebih ramai wanita dalam bidang digital — agar mereka terus melangkah dengan yakin, berdaya saing dan selamat.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
12 Jun 2025